



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“AZAM MELAKSANAKAN TADBIR URUS YANG BERAMANAH”

7 Januari 2022 / 4 Jamadil Akhir 1443

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ - بَعْدَ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ - :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ⁴

(Surah Al-Anfal ayat 27)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang diamanahkan ke atas mu, sedang kamu mengetahui.

Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan,

Alhamdulillah, kita bersyukur akan nikmat kurniaan Ilahi yang membolehkan kita hadir menunaikan Solat Jumaat yang pertama pada Tahun Masihi 2022. Setiap tambahan tahun baharu, bermakna semakin bertambah usia kita, dan semakin hampir kita ke garis penamat kehidupan duniawi. Oleh itu, marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan Nya; mudah-mudahan kehidupan kita diredhai Allah, di dunia mahupun di akhirat. Bersempena Khutbah Jumaat pertama pada tahun baharu ini, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“AZAM MELAKSANAKAN TADBIR URUS YANG BERAMANAH”.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



Sesungguhnya, Islam amat mengutamakan amanah. Untuk membangunkan tadbir urus yang beramanah, semua pihak yang telah diamanahkan dengan pelbagai jawatan, tugas dan tanggungjawab, wajib memiliki dan mengamalkan budaya kerja yang bersih, jujur, tulus dan ikhlas.

Sidang Jumaat yang dimulihkan,

Tahun 2021 memaparkan negara menghadapi empat krisis utama, ia itu krisis politik, krisis kesihatan, krisis ekonomi dan krisis alam sekitar dengan berlaku musibah banjir yang meragut banyak nyawa dan memusnahkan harta benda pada skala yang besar. Pahit getir yang dialami sepanjang tahun 2021, wajib dijadikan iktibar, dijadikan sebesar-besar pengajaran, khususnya kepada para pemegang amanah kepimpinan, ketika menggubal dasar dan memperkenalkan program untuk memulihkan kemakmuran negara dan mengembalikan nikmat kesejahteraan hidup rakyat.

Allah SWT telah melimpahkan pelbagai sumber kekayaan di bumi bertuah, bernama Malaysia ini. Perbuatan pecah amanah dan rasuah telah menjadi antara punca yang menyebabkan negara mengalami kegagalan dalam pelbagai dimensi, merangkumi kepimpinan, ekonomi, sosial, pendidikan, sains dan teknologi. Setiap perbuatan rasuah membawa kesan hiliran, setiap perbuatan rasuah sudah cukup untuk merencatkan pelbagai sektor lain kerana setiap sektor saling berangkai dan saling berkait. Kegagalan negara mencapai wawasan-wawasan murni seperti Dasar Ekonomi Baru dan Wawasan 2020 bukan kerana kita kurang peluang dan sumber, tetapi kerana berlakunya ketirisan, disebabkan sifat pecah amanah dan perbuatan rasuah. Demikian juga, cabaran yang akan kita hadapi untuk mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Malaysia mencapai 51 mata pada tahun 2020, berbanding 53 mata pada tahun 2019, mengakibatkan Malaysia jatuh enam anak tangga, ke tangga ke-57 daripada 180 negara yang dinilai, dalam Indeks Persepsi Rasuah Tahun 2020. Dalam kalangan negara Islam, Emiriah Arab Bersatu dengan catatan 70 mata, berada di tangga teratas, ia itu pada tangga ke-21. Lebih separuh negara-negara Islam berada di tangga 20 paling bawah. Satu keadaan yang sangat janggal, kelihatan berlakunya jurang antara apa yang dianjurkan oleh Islam dengan apa yang diamalkan oleh ummah yang pada zahirnya menerima Islam sebagai pegangan akidah.



Jemaah yang dirahmati Allah,

Laporan, tangkapan, dakwaan dan isu sepanjang tahun 2021, menunjukkan keadaan rasuah di negara kita mencapai tahap yang semakin parah. Adegan ‘suap’ dan ‘terima’, dan suapan yang bertopengkan derma, hari ini seolah-olah perkara biasa, dilakukan tanpa ada rasa malu, dan tiada langsung menunjukkan sebarang ketakutan akan hari pembalasan di Padang Mahsyar.

Kebimbangan terhadap perlakuan pecah amanah dan rasuah semakin disuarakan. Rakyat merasa semakin kecewa dan bertambah hilang keyakinan akan kesungguhan negara untuk membasmi rasuah. Rasuah dilihat semakin membarah, menjejaskan keyakinan pelabur, menyebabkan kurang peluang pekerjaan dan meningkatkan pengangguran, akibatnya rakyat semakin derita. Kini, sudah kedengaran suara yang mendesak agar negara menjatuhkan hukuman mati kepada pelaku rasuah.

Mengenakan hukuman mati bukan penyelesaian, jika hukuman tersebut hanya tinggal dalam bentuk tulisan di atas kertas. Negara sebenarnya memiliki peruntukkan undang-undang yang cukup untuk mencegah dan membendung rasuah. Negara turut menubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai badan yang bertanggungjawab untuk menangani rasuah. Walau bagaimanapun, usaha mencegah dan membendung rasuah tidak memberi erti dan tidak memberi makna, jika tidak ada kesungguhan di peringkat penguatkuasaan, penyiasatan, pendakwaan dan hukuman; apatah lagi jika imej dan reputasi SPRM, kebelakangan ini turut tercalar, dengan adanya aduan dan laporan salah laku dalam kalangan para petugas di Suruhanjaya berkenaan, yang mengakibatkan bertambah terhakis kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Kita memerlukan penyelesaian yang tegas dan tuntas untuk mencegah, membendung dan menghapus barah rasuah. Semua pihak, secara bersama, wajib mengambil langkah berani supaya berlakunya gerakan jihad memerangi rasuah, agar negara kembali dimakmurkan dan kehidupan rakyat kembali disejahterakan. Pemimpin, media, masyarakat dan rakyat wajib berganding bahu menghapuskan barah rasuah dengan tekad, azam dan kesungguhan memenuhi satu tuntutan fardu kifayah. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ،
وَذَلِكَ أَوْعَفُ الْإِيمَانِ.



Maksudnya: Barang siapa yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya (kuasanya), jika tidak mampu maka dengan lisannya, jika tidak mampu maka dengan hatinya, dan demikianlah selemah-lemah iman. (Riwayat Muslim 49)

Usaha menghapuskan rasuah memerlukan kesungguhan, memerlukan tekad, memerlukan kecekalan, memerlukan iman yang kukuh dan takwa yang teguh untuk menjunjung amanah yang ditetapkan oleh Allah SWT, yang mengatasi mana-mana kuasa manusia. Marilah kita berikrar dan berazam untuk sama sekali tidak akan bersekutu, tidak akan bersubahat, tidak akan membantu dan tidak akan melindungi pelaku rasuah dengan menginsafi peringatan Allah SWT melalui ayat 25 Surat al-Anfal:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَعَامًّا إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi menimpa kamu secara umum), Dan ketahuilah bahawa Allah Maha Berat azab seksa Nya.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Dalam hasrat mahu membangunkan masyarakat yang beramanah, mimbar menyeru agar digerakkan secara bersungguh, langkah-langkah berikut:

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa



Pertama: Meningkatkan iman dan takwa, terutama kita yang telah diamanahkan dengan jawatan, tugas dan tanggungjawab, agar memiliki keinsafan mahu menegakkan kebenaran kerana lebih takut kepada Allah berbanding takutkan kuasa-kuasa manusia di dunia.

Kedua: Meningkatkan usaha pendidikan, menyemai rasa jijik terhadap rasuah, bermula dari keluarga sejak anak masih berusia jagung, diperkukuhkan ketika anak-anak berada di bangku sekolah.

Ketiga: Rakyat tidak cepat kecewa malah terus menjadi juru bicara menyuarakan bantahan dan berani ke hadapan, mengambil tanggungjawab untuk mendedahkan perbuatan rasuah.

Keempat: Kerajaan membuktikan kesungguhan mahu menghapuskan rasuah melalui tindakan-tindakan tegas lagi pantas tanpa pilih kasih dan tanpa gentar.

Mimbar menyeru agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah islamiah berteraskan aqidah ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in. Jagalah hubungan dengan ALLAH SWT dan hubungan sesama makhluk. Imarahkan rumah-rumah Allah dengan mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah. Basahi lidah dengan melazimkan zikrullah, serta selawat dan salam ke atas Baginda Nabi SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁹ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنَّا بَلَدِنَا هَذَا
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانٍ عَامَّةً.

Ya Allah, Engkau lindungi kami dan negara kami daripada kehancuran dan kemusnahan akibat perbuatan pecah amanah dan rasuah.

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk kaum muslimin



Ya Allah, serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan urus tadbir negara ini kepada orang-orang yang amanah, jujur dan ikhlas; serta tegas melaksanakan keadilan dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan hukum.

Ya Allah, Engkau jadikanlah sebesar-besar contoh pengajaran, melalui pembalasan dan hukuman Mu terhadap orang-orang yang telah melakukan pecah amanah, rasuah, kezaliman, dan menyalahgunakan kuasa untuk mengaut kekayaan negara dengan cara yang salah bagi kepentingan diri, keluarga dan kroni.

Ya Allah, jauhi hamba-hamba Mu yang lemah daripada menjadi pengikut, dan lindungi mereka daripada menjadi mangsa kepada muslihat dan tipu daya pelaku rasuah.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran serta dihindari mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat; jauhilah kami dari seksa azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾